

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

HARI TERBUKA ABM SABAH 2024: PLATFORM MEMPERKASA TENAGA KERJA MAHIR

KOTA KINABALU, SABAH (12 DISEMBER 2024) – Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah dengan sokongan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menganjurkan Hari Terbuka ABM Sabah 2024 di Hotel Raia, Kota Kinabalu hari ini. Acara ini menjadi landasan utama untuk mempromosikan peluang latihan, pekerjaan dan pembangunan kemahiran kepada golongan belia serta personel binaan di negeri Sabah. CIDB juga melalui ABM dan CIDB Technologies Sdn Bhd juga memberi tumpuan kepada latihan *oil and gas* di mana permintaan yang tinggi terhadap pekerja mahir dalam bidang ini khususnya di Negeri Sabah.

Sejak penubuhannya pada tahun 2001, ABM Wilayah Sabah telah melatih dan mengakreditasi 113,596 pekerja mahir binaan, menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja berkualiti tinggi dalam sektor pembinaan. Hari Terbuka ini menyediakan pelbagai program termasuk pameran teknologi terkini, sesi temuduga terbuka bersama rakan industri, dan demonstrasi latihan berimpak tinggi.

Majlis pembukaan dirasmikan oleh Ahli Lembaga CIDB, Datuk Dr. Roland Chia Ming Sen dan dalam ucapannya berkata, “Inisiatif seperti Hari Terbuka ABM ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkasa tenaga kerja mahir di Sabah. Dengan fokus kepada teknologi Pembinaan 4.0 seperti *Augmented Reality* (AR), *Virtual Reality* (VR) dan dron, kita sedang membentuk generasi pekerja binaan yang lebih inovatif, cekap, dan berdaya saing.”

Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sabah (ABM Sabah) terus melahirkan graduan cemerlang yang membuktikan keunggulan kemahiran dan kebolehan mereka di industri pembinaan.

Encik Rudy Bin Mohammad (42 tahun), lulusan bidang *drafman* ABM Sabah pada tahun 2007, kini merupakan seorang kontraktor berjaya dan Pengarah Urusan syarikat DY Mekar. Dengan pendapatan syarikat di antara RM1 juta hingga RM5 juta, beliau memimpin 109 kakitangan dan aktif menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja dengan mengambil pelatih ABM serta menyertai program berprestij seperti World Skills.

Puan Nor Ramlah Binti Masdo (28 tahun), graduan bidang scaffolding asas hingga tertinggi ABM Sabah pada tahun 2017, kini berkhidmat sebagai *scaffold inspector* secara bebas. Berbekalkan diploma dalam kejuruteraan awam dan pengalaman luas, beliau memperoleh pendapatan antara RM45,000 hingga RM65,000 dan menjadi contoh inspirasi kepada generasi muda.

ABM Sabah terus komited melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing, sejajar dengan keperluan industri pembinaan negara. Orang ramai dijemput untuk menyaksikan sendiri peluang yang ditawarkan oleh ABM semasa Hari Terbuka pada 12 Disember 2024 bertempat di Hotel Raia, Kota Kinabalu, Sabah.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah CIDB Negeri Sabah, Encik Nazri Zakaria, dan Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Sabah, Encik Tadzul Radim.

Tumpuan Utama Hari Terbuka

Seminar Kontraktor – Seminar ini adalah untuk memperkasakan Akta 520 CIDB bagi memastikan pematuhan dan pemantapan kerja-kerja kontrak kerajaan dan swasta.

Pameran Teknologi Terkini – Peserta berpeluang melihat demonstrasi teknologi seperti VR, AR, dan dron dalam latihan pembinaan.

Peluang Kerjaya – Rakan industri menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang seperti gas pipe fitter, scaffolding, pemasangan penghawa dingin, wireman, dan operasi peralatan berat.

Demonstrasi Kemahiran – Tunjuk ajar praktikal daripada jurulatih ABM untuk tred berimpak tinggi.

Perkongsian Maklumat – Sesi penerangan tentang lebih 100 tred latihan kemahiran pembinaan yang ditawarkan oleh ABM.

Melalui kerjasama erat dengan rakan industri, kadar kebolehpasaran graduan ABM Wilayah Sabah kini mencecah 90%. Ini menunjukkan keberkesanan program latihan yang dijalankan dalam memenuhi permintaan tenaga kerja mahir sektor pembinaan.

ABM Wilayah Sabah terus komited menyokong inisiatif kerajaan memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), memastikan setiap belia Sabah mempunyai akses kepada peluang latihan dan pembangunan kerjaya.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
